

07/03/2003

Pari kuasai senarai pemenang

Hamzah Osman

TIGA pari yang dinaikkan menyaksikan ikan itu menguasai tiga tempat teratas Pertandingan Memancing Joran Perdana MK Land di benteng pemecah ombak berhampiran Langkawi Lagoon Resort, Jalan Kuala Muda, Langkawi, Sabtu lalu.

Keputusan itu sekali gus mengesahkan perairan berkenaan banyak didiami ikan seperti pari, bulus, senangin, gerut-gerut, aruan tasik, kerapu, tetanda, gelama, cupak, semilang dan ikan lembu yang menjadi buruan peserta kebanyakan dari Langkawi selain Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Peserta dari Alor Setar, Izhar Md Noor, 40, muncul juara selepas menjinakkan pari seberat 6.82 kilogram pada jam 11.30 pagi dengan menggunakan umpan sotong segar. Kejayaan itu melayakkan beliau juga kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Alor Setar membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, hamper dan pakej penginapan sumbangan MK Land.

Beliau menerima hadiah daripada Ketua Pegawai Operasi MK Land Berhad, K Mohanachandran, pada majlis penutup dan penyampaian hadiah di Langkawi Lagoon, kira-kira jam 2 petang.

Turut hadir, Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Ahmad Rejal Arbee; Pengarang Kumpulan NST, Datuk Ahmad Talib; dan Penolong Pengarang Berita Harian/Berita Minggu (Projek Khas), Hafifi Hafidz.

Lebih 300 peserta menyertai pertandingan anjuran MK Land Holdings Berhad (MK Land) dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian sempena perasmian Langkawi Lagoon Resort oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuah yang memihak kepada Izhar turut melenyapkan impian Fazin Hamid, 34 dari Kampung Bohor Tempoyak, Langkawi, dua jam sebelum itu untuk menjadi juara apabila berjaya menaikkan pari seberat 3.45 kilogram.

Bagaimanapun, Fazin masih boleh mengukir senyum kerana hasil tangkapan itu melayakkan beliau menerima wang tunai RM2,000, hamper dan pakej penginapan sebagai hadiah pemenang kedua.

Beliau yang bertugas di Pelangi Beach Resort menganggap kejayaan itu adalah yang tertinggi pernah dicapai sepanjang pembabitannya dalam aktiviti memancing termasuk beberapa pertandingan peringkat kebangsaan.

Sementara tempat ketiga milik, Bakhtiar Yaakob, 40, dari Kampung Ewa dengan tangkapan pari seberat 2.59 kilogram, sekali gus mengatasi pencabar terdekat Aziz Roslan (buntal 1.8 kilogram) di tempat keempat.

Pemenang ketiga dan keempat pada pertandingan itu masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,000 dan RM500 diiringi hamper dan pakej penginapan, juga sumbangan MK Land.

Izhar yang ditemui selepas majlis penyampaian hadiah berkata, kemenangan itu tidak diduga selepas beliau baru saja tiba dari Alor Star sehari sebelum pertandingan berlangsung.

"Pertandingan ini banyak menguji kesabaran peserta kerana diadakan di benteng pemecah ombak dalam cuaca panas terik. Ada peserta yang menyerah awal kerana tidak tahan dengan bahang matahari," katanya.

Pertandingan mulai jam 8.30 pagi hingga 1 tengah hari membabitkan kira-kira 700 meter daripada 2.7 kilometer benteng berkenaan.

Peserta mendaftar seawal jam 5 pagi dan upacara permulaan pertandingan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib; Ahmad Rejal; Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar; dan Hafifi.

Pada 1998, Dr Mahathir menyempurnakan acara melepaskan peserta pusingan akhir Kategori Laut Dalam GP Joran di Awana Porto Malai, Langkawi.